

07/02/1999

Pilihan raya Sabah uji kemampuan BN

Dzulkfley Zanudin

IPOH: Keputusan pilihan raya negeri Sabah penting sebagai ujian kepada hidup mati Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang berikutan pelbagai isu semasa hangat ditimbulkan parti pembangkang.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata berdasarkan sokongan rakyat, beliau yakin BN akan terus memerintah Sabah dan negara ini berikutan rakyat memerlukan kerajaan yang kuat dan stabil dengan mengambil iktibar pergolakan sosial, ekonomi dan politik di negara jiran.

Berikutan itu, beliau berkata, semua parti komponen BN, termasuk MCA perlu berusaha keras bagi memastikan kemenangan BN di Sabah untuk mengulangi kejayaan itu dalam pilihan raya umum nanti.

MCA, katanya, lebih mementingkan kemenangan BN daripada perkara remeh temeh seperti pembahagian kerusi serta sedia menerima sebarang keputusan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubungnya.

"MCA sudah menghantar menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen parti ini, selain penceramah lain bagi membantu kempen BN di Sabah dan lebih ramai akan menyusuli."

"Misi utama MCA ialah meningkatkan semangat 20,000 ahlinya di Sabah, terutama di bandar dan pekan besar seperti Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu."

"Kami juga akan membantu parti komponen BN lain di Sabah, termasuk Umno untuk memastikan kemenangan mutlak semua calon BN nanti," katanya selepas merasmikan bangunan baru Institut Informatics Ipoh di sini, semalam.

Dr Ting yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata MCA kini semakin diterima penduduk Cina di Sabah serta sedia mencalonkan dua hingga tiga calonnya jika dipersetujui pucuk pimpinan BN.

Menurutnya, terpulang kepada Dr Mahathir untuk membuat sebarang keputusan mengenai pemilihan calon yang sesuai, termasuk dari MCA bagi bertanding di Sabah.

Katanya, bagi memastikan kejayaan jentera pilihan raya parti di sana, MCA memberi tumpuan kepada kempen turun padang, termasuk di pasar, pusat penjaja dan rumah ke rumah bagi mendapat sokongan pengundi setempat.

Mengenai isu khinzir, pembawa virus maut Japanese Encephalitis (JE) di negara ini, terutama di Perak, Dr Ting yakin masalah itu mampu diselesaikan dengan baik tanpa dapat dijadikan isu politik pembangkang dalam pilihan raya umum nanti.

Beliau berkata penyelesaian terbaik wajar dicari untuk kepentingan orang ramai dan penternak terbabit tanpa menjejaskan kepentingan masing-masing.

Beliau yang juga Setiausaha Agung MCA berkata semua ahli majlis mesyuarat negeri di Perak serta negeri lain sudah diarah menyelesaikan isu sensitif itu dengan berkesan.

"Kerajaan yakin jalan penyelesaian dapat dicapai untuk memastikan kepentingan orang ramai yang bimbang ancaman virus berbahaya itu tidak diabaikan."

"Begitu juga punca pendapatan penternak haiwan itu yang bergantung hidup kepada ternakan itu tidak terjejas dengan arahan itu," katanya.

Beliau mengulas lanjut isu JE yang kini dikatakan menjadi satu daripada modal kempen pilihan raya umum akan datang yang mana penduduk sekitar Ampang, Tambun dan Ulu Piah dikatakan kesal dengan cara pihak berkuasa tempatan bertindak terhadap penternak khinzir yang masih enggan berpindah serta mendedahkan mereka kepada ancaman JE.

Penternak haiwan itu pula dikatakan dipengaruhi pembangkang yang cuba

memperjuangkan nasib mereka. Sepuluh kematian dilaporkan di negeri ini akibat virus itu sejak 1997.

Kerajaan Perak akan memusnahkan 50,000 ekor khinzir di 19 ladang ternakan pembawa virus JE jika gagal berpindah ke kawasan seluas 200 hektar di Kuala Bikam, Bidor, selepas Tahun Baru Cina ini.

Sementara itu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, mengingatkan penternak khinzir terbabit berurusan terus dengan pihak berkuasa jika timbul masalah ekoran arahan berpindah ke Kuala Bikam.

Menurutnya, langkah itu perlu bagi mengatasi masalah itu dengan baik serta mengelak campur tangan pihak luar yang cuba menangguk di air keruh.

"Pihak berkuasa akan meneliti secara telus jika menerima aduan daripada penternak berhubung sebarang masalah berbangkit," katanya.

Katanya, pemilihan Kuala Bikam untuk tujuan itu sesuai kerana jauh dari kawasan penempatan penduduk bagi menggantikan Ampang dan Tambun yang kini antara kawasan perumahan padat di Ipoh.

(END)